

Katakan tidak kepada mercun



Noor
Mohamad
Shaik
Hameed

Setiap kali menjelang musim perayaan besar seperti sambutan Ramadan dan Aidilfitri, isu mercun terus mencuri perhatian umum. Hampir setiap tahun kita disajikan dengan pelbagai berita kecederaan dan kecelakaan angkara bermain mercun.

Anak-anak terus menjadi mangsa dan apa yang pasti sehingga kini belum nampak tanda-tanda musibah ini akan menemui titik noktah.

Justeru sebelum apa-apa berlaku pada kali ini penulis ingin mengesyorkan agar pihak kerajaan segera melancarkan kempen 'Katakan Tidak Kepada Mercun' secara besar-besaran demi menyelamatkan anak-anak kita.

Perkara ini wajar diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan kerana sudah mula kedengaran usaha untuk menyeludup atau membawa masuk mercun secara haram dari negara jiran untuk pasaran tempatan sempena musim perayaan akan datang.

Misalnya baru-baru ini agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) Kelantan merampas 29 kotak berisi mercun pelbagai jenis di Kampung Banggol Kong, Jeram Perdah, Rantau Panjang. Rampasan dari sebuah van yang ditinggalkan di dalam semak oleh sindiket penyeludup itu dianggarkan berjumlah RM34,000 termasuk kenderaan.

Dan percayalah ini hanya satu permulaan. Selepas ini pasti kita akan kedengaran tangkapan demi tangkapan oleh pihak berkuasa membabitkan penyeludupan mercun ini menjelang sambutan Aidilfitri tidak lama lagi. Apa yang merisaukan ialah ia pasti juga akan terus meningkatkan risiko kecederaan dalam kalangan anak-anak kita yang cukup taasub dan teruja dengan mercun.

Sebagai imbasan mana mungkin kita lupa beberapa kes kecederaan yang serius angkara mercun pada tahun sebelum ini misalnya ada yang hancur dan putus jari mahupun pergelangan tangan serta melecur di beberapa bahagian badan, termasuk di muka di samping nyaris buta.

Semua ini ada yang berpunca daripada mercun yang dibeli secara haram mahupun

berpunca daripada mercun buatan sendiri. Hakikatnya mercun terus menjadi musuh dalam selimut kepada anak-anak kita.

Kelajuan seumpama ini membuktikan bahawa walaupun setiap tahun kita didedahkan dengan pelbagai berita kecederaan dan musibah yang menimpa anak-anak kita angkara bermain mercun, namun anak kita tetap tidak serik dan masih gagal untuk mengambil iktibar.

Ini menggambarkan seolah-olah Ramadan dan Aidilfitri tidak lengkap jika tidak dihiasi dengan dentuman bunga api dan mercun.

Hakikatnya mereka lupa bahawa saban tahun pesta mercun dan bunga api ini pasti terus membawa khabar pilu dan derita kepada anak-anak kita.

Lebih malang lagi anak-anak kita memperagakan daya kreativiti mereka pada tempat yang salah dan merugikan dengan menggubahsuai mahupun membuat sendiri mercun mengikut kehendak masing-masing yang akhirnya mengancam diri sendiri.

Antara punca berlakunya insiden sebegini ialah kerana adanya pihak yang tidak bertanggungjawab menjual bahan terlarang ini walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak berkuasa untuk membendung dan menghalangnya. Kerancangan sambutan Ramadan dan Aidilfitri juga sekali gus mencetuskan keterujaan dalam aktiviti penyeludupan dan penjualan mercun dan bunga api yang tidak dibenarkan.

Dari aspek penjualan misalnya, jika sebelum ini jualan mercun sering dilakukan secara sembunyi sekarang peniaga juga dilihat lebih berani dan semakin licik serta bijak menggunakan pelbagai kaedah untuk menjual mercun, termasuklah menggunakan media sosial seperti Facebook.

Walaupun serbuan dan tangkapan demi tangkapan dibuat oleh pihak berkuasa, namun ternyata sindiket penyeludupan masih terus bergerak aktif terutama menjelang musim perayaan utama seperti ini.

Mengambil kira senario ini penulis percaya menjelang

Aidilfitri nanti pasti lebih banyak lagi usaha akan dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk menyeludup bahan terlarang ini demi meraih keuntungan yang berlipat ganda dalam jangka masa yang pendek. Ini membuktikan betapa kumpulan ini tidak pernah berputus asa, malah sentiasa menunggu peluang seperti ini untuk menanggung di air yang keruh. Walaupun pihak berkuasa sentiasa menggiatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terutama menjelang musim perayaan namun aktiviti penyeludupan dan penjualan mercun ini tetap tidak dapat dibendung sepenuhnya sehingga ke hari ini.

Justeru, semua pihak perlu berganding bahu dan menyokong kempen 'katakan tidak kepada mercun' agar kita dapat perangai mercun habis-habisan. Ia tidak mustahil kerana kita perlu ingat bahawa tidak akan ada penawaran andai tiada permintaan. Jualan mercun berleluasa kerana anak kita mahukannya. Walaupun pihak berkuasa berusaha keras untuk membanteras penyeludupan dan penjualan mercun, namun tanpa kerjasama dan komitmen ibu bapa dan masyarakat masalah ini semakin sukar untuk ditangani.

Dalam isu ini kita tetap mengharapkan pihak berkuasa memainkan peranan seperti biasa misalnya pintu sempadan terus dipantau dan dikawal sepenuhnya dengan lebih ketat. Hal ini kerana bekalan mercun dikatakan diseludup masuk dari negara jiran dan kita percaya aktiviti penyeludupan ini bakal rancak menjelang sambutan Aidilfitri tidak lama lagi.

Elemen penguatkuasaan juga perlu dilipatgandakan supaya aktiviti penyeludupan ini dapat ditekang.

Pihak yang didapati menyeludup dan ditangkap pula perlu dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukuman keras dan setimpal supaya menjadi pengajaran kepada orang lain agar tidak melakukan perbuatan yang sama. Malah, penulis juga ingin mencadangkan agar ibu bapa yang lalai, leka, cuai dan terus membenarkan anak-anak membeli dan bermain mercun

turut dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Di samping tanggungjawab pihak berkuasa, peranan ibu bapa dan masyarakat juga ditagih dalam mengatasi kemelut ini. Ibu bapa dan masyarakat perlu lebih agresif dan aktif dalam mengawal anak-anak daripada terjebak ke dalam pesta mercun ini.

Pantau semua aktiviti anak-anak terutama di musim perayaan seperti ini. Mereka bukan saja membeli mercun, malah yang terlebih cerdik dan nakal itu mula menggubahsuai mahupun membuat mercun sendiri yang dilihat lebih berbahaya dan boleh mengancam keselamatan anak-anak.

Sudah sampai masanya untuk kita mengubah tradisi seperti ini dan katakan tidak pada mercun. Biarlah kita sambut Ramadan dan Aidilfitri dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Jangan sesekali biarkan mercun meragut kegembiraan tersebut. Jom lancar kempen 'katakan tidak kepada mercun.'

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

